

Headline	Hari Biodiversiti Dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1328 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,247
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,741



Headline	Hari Biodiversiti Dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	19 May 2017	Circulation	171,663
Section	Mega	Readership	563,000
Page No	22	ArticleSize	1328 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 26,247
Journalist	N/A	PR Value	RM 78,741
Frequency	Daily		

SELURUH dunia memberikan perhatian kepada hal-hal alam sekitar dan alam semula jadi menerusi sambutan hari berkaitan, misalnya Hari Perhutanan Sedunia, Hari Tapir Sedunia, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Tanah Bencah Sedunia, Hari Bumi dan Hari Kitar Semula. Malah dalam setahun, setiap bulan ada sahaja sambutan hari atau minggu berkaitan alam sekitar dan alam semula jadi.

Bulan ini pada 22 Mei ini seluruh dunia menyambut Hari Biodiversiti yang bertemakan *Biodiversiti dan Pelancongan Mampang*. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan 22 Mei sebagai Hari Kepelbagai Biologi Antarabangsa (IDB) bertujuan untuk meningkatkan kefahaman



Bersama DR. AHMAD ISMAIL



dijitiharkan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA). Biodiversiti dan alam semula jadi adalah antara tumpuan industri pelancongan dunia.

Biodiversiti pada peringkat spesies dan ekosistem adalah perkara asas kepada aspek ekopelancongan memandangkan kepada ekopelancongan merupakan sumber ekonomi penting maka pemuliharaan kekayaan alam perlu diberikan perhatian.

Banyak isu biodiversiti memberikan kesan terus kepada industri pelancongan. Pengurusan sektor pelancongan dengan baik boleh menyumbang kepada pengurangan ancaman terhadap hidupan liar dan kos penjagaannya. Kurangnya ancaman dan menyokong pemuliharaan untuk tujuan ekopelancongan juga boleh menambah populasi hidupan liar serta nilai biodiversiti.

Menerusi hasil pendapatan aktiviti pelancongan, ia boleh menarik kos perlindungan dan pemuliharaan habitat dan hidupan liar. Aktiviti pelancongan boleh menyumbang kepada kefahaman dan kesedaran awam dalam melindungi kawasan, pemuliharaan habitat dan penglibatan komuniti dan hal-hal berkaitan spesies dan ekosistem. Minat penduduk tempatan untuk melindungi dan memulihara biodiversiti menjadikan peluang untuk mereka

mendapatkan pendapatan. Aktiviti ekopelancongan memberikan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Sempena IDB pelbagai aktiviti boleh dijalankan oleh pihak masyarakat, organisasi dan agensi kerajaan. Antara aktiviti yang sering diadakan ialah persidangan, seminar, bengkel dan forum dengan membawa ramai pakar membincangkan tentang biodiversiti dan kepentingannya dalam aktiviti pelancongan.

SELALU RAKYAT NEGARA membangun bantayanakan soalan tentang mana yang lebih baik antara ekonomi atau faedah hutan simpan dan kebaikannya jika dibangunkan kawasan hutan untuk penempatan penduduk dan peluang pekerjaan.

Percincangan menyeluruh dan bersepadu termasuk bersama bidang-bidang seperti pertanian, pertanian, bioteknologi, perikanan pelancongan, industri, pencemaran dan pelbagai bidang lain perlu dijadikan pendekatan baru ini menggantikan pendekatan lama yang secara tradisionalnya dibincangkan secara bersinggahan. Pendekatan bersepadu antara bidang penting agar semua pihak faham, menghargai, menghormati dan membantu pemuliharaan biodiversiti untuk pelancongan.

Pada peringkat lain, mungkin melibatkan pelajar sekolah dan guru-guru melakukan aktiviti melawat taman rekreasi, muzeum, akuarium, taman botani, jelajah hutan dan sebagainya untuk kefahaman dan kesedaran tentang biodiversiti setempat.

PP
Semangat tentang pemuliharaan, penghargaan alam semula jadi boleh dipupuk sejak peringkat prasekolah bersama ibu bapa mereka.

Semangat tentang pemuliharaan, penghargaan alam semula jadi boleh dipupuk sejak kecil pada peringkat prasekolah bersama ibu bapa mereka. Aktiviti kanak-kanak akan lebih berkesan seiring mereka bersama keluarga. Pada peringkat remaja pula, bolehlah menjalankan aktiviti yang lebih aktif seperti menjelajah hutan, menyusuri sungai, merentasi jeram dan pantai bagi memahami dan menghayati biodiversiti serta kepentingannya dalam ekosistem.

Banyak destinasi pelancongan berasaskan biodiversiti yang menjadi tumpuan aktiviti pelancongan. Destinasi yang sejak melampaui seperti Alaska yang merupakan sebuah negara Artik yang cantik dengan salji dan hidupan liar seperti ikan paus, beruang, singa laut, burung pemangsa dan haiwan lain lagi yang hampir pupus telah menarik minat pelancong ke sana. Hutan Amazon di Brazil yang dikatakan menghasilkan 20 peratus oksigen dunia juga menarik minat pelancong untuk melihat

tumbuhan, burung, mamalia dan haiwan akutik yang unik.

Banyak inovasi untuk pelancong seperti menjelajah kanopi, bersampang menyusuri sungai dan memerhati burung dilakukan bagi memenuhi selera pemintat alam semula jadi.

Antartika juga menjadi tarikan pelancong kerana suhu sejuk untuk melihat kejadian di sana dari segi hidupan liar yang unik. Dilaporkan seramai 46,000 pelancong ke Kutub Selatan tiap tahun melihat penguin, bongkah ais dan keindahan pemandangan. Banyak lagi tempat yang mempunyai keunikan dan kekayaan biodiversiti di tanah tinggi, pantai maupun lautan menarik ramai pelancong ke negara berkenaan seperti Botswana di Afrika, Costa Rica di benua Amerika, Kepulauan Caribbean dan Himalaya di Nepal.

Ada juga tempat istimewa yang mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) juga menarik kedatangan pelancong dari seluruh dunia.

Antara seperti Blue Mountain di Australia dan Kepulauan Galapagos yang telah mendapat pulisir menyeluruh dalam media antarabangsa.

Semangat tentang pemuliharaan, penghargaan alam semula jadi boleh dipupuk sejak kecil pada peringkat prasekolah bersama ibu bapa mereka.

Aktiviti kanak-kanak akan lebih berkesan seiring mereka bersama keluarga.



Tarikan Malaysia

Malaysia juga tidak ketinggalan mendapat tarikan pelancong berdasarkan kepada alam semula jadi dan biodiversiti.

Langkawi Geopark yang mendapat pengiktirafan UNESCO juga sekarang sedang menunjukkan peningkatan bilangan pelancong. Maka kelestarian Langkawi Geopark mestilah dikelakuan.

Di Sabah dan Sarawak juga menarik pelancong memikmati Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara, Pusat pemuliharaan Orang Utan Sepilok dan keunikan monyet belanda (*Proboscis monkey*).

Antara tempat-tempat menarik ekopelancongan di Malaysia ialah Santuari Gajah di Kuala Gandah Pahang, Santubong, Sarawak; Cameron Highland, Pahang; Pulau Perhentian, Terengganu; Gua Mulu, Sarawak; Taman Negara Pulau Pinang; Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Kepong; Taman Negara Pahang, Kelantan dan Terengganu; dan Belum-Temenggor, Perak.

Masing-masing tempat tersebut menarik minat pelancong mendekati haiwan liar seperti

gajah, burung, orang utan, ikan lumba-lumba dan menikmati keindahan flora fauna serta kehijauan hutan hijau tropika.

Banyak lagi tempat dan produk ekopelancongan baharu seperti menyusuri sungai bersama kelip-kelip; menikmati keindahan sungai, jeram dan air terjun; dan melihat penyusut serta mencandat sotong yang boleh diketengahkan.

Malaysia sebagai negara biodiversiti mega sudah tentu dapat menyediakan pelbagai selera penggemar alam semula jadi. Bilangan penggemar alam semula jadi, pelancong yang mempunyai kesedaran tinggi tentang alam semula jadi, penggemar aktiviti pengembangan lesak dan menikmati kehijauan semakin meningkat di dunia. Mereka sanggup berbelanja demikian untuk kepuasan diri. Maka kawasan yang alam semula jadi dan alam sekitarnya serta penduduk orang asli terjaga akan menjadi destinasi pelancongan yang semakin penting dan popular.

Maka potensi ekopelancongan negara sangat tinggi untuk menjana pendapatan negara. Banyak lagi aktiviti yang sepertinya dikawal oleh pihak berkua bagi menyeimbangkan kepentingan pembangunan ekonomi, industri ekopelancongan dan pemuliharaan biodiversiti mega di negara ini.

Banyak contoh destinasi ekopelancongan utama negara seperti menyusuri sungai bersama kelip-kelip; menikmati keindahan sungai, jeram dan air terjun; dan melihat penyusut serta mencandat sotong yang boleh diketengahkan.

Contoh mudah adalah pembinaan kolam udang di kawasan santuari burung Kuala Gula di Perak dan penebangan hutan di kawasan Kuala Koh, Kelantan dan aktiviti pencerahan kawasan hutan bersempadan Taman Negara Pahang.

Masalah lain adalah gangguan hutan di kawasan hulu sungai yang menggalak ke kawasan hutan simpan, aktiviti pertanian tanah tinggi di Cameron Highlands, pencerobohan hutan bersempadan ladang kelapa sawit atau getah dan pembalakan haram.

Banyak lagi aktiviti yang sepertinya dikawal oleh pihak berkua bagi menyeimbangkan kepentingan pembangunan ekonomi, industri ekopelancongan dan pemuliharaan biodiversiti mega di negara ini.

Destinasi pemerhati burung-burung dunia. Lebih 720 spesies burung direkodkan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Setiap negeri di Malaysia ada tempat-tempat menarik bagi pemerhati burung tempatan dan antarabangsa.

Selangor
✓ Taman Alam Kuala Selangor, Bukit Melawati, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Tanjung Karang

Sabah
✓ Lembah Danum, Taman Kinabalu dan Kinabatangan

Sarawak
✓ Taman Negara Bako, Similajau

Pulau Pinang
✓ Teluk Air Tawar, Pantai Kuala Muda, Taman Negara Pulau Pinang

Perak
✓ Santuari Burung Kuala Gula, Taman Negeri Royal Belum, Hutan Temenggor, Bukit Larut.

Negeri Sembilan
✓ Port Dickson dan Hutan Simpan Pasoh

Kelantan ada Taman Negara

Perlis
✓ Taman Negeri Perlis dan Tasik Timah Tasoh)

Terengganu
✓ Taman Negara Setiu.

INFO

